

Info

Perbandingan caj rawatan gigi klinik kerajaan dan swasta

Fakta
nombor

RM1 HARGA

lama bagi
cabutan gigi

RM15 HARGA

baharu bagi
cabutan gigi

BH

2/2/17

ms 4

1 Klinik kerajaan

- a) Cabutan Gigi
 Harga Lama : RM1
 Harga Baharu : RM15
 Kenaikan: 1,400 peratus

2 b) Cuci Gigi

- Harga Lama : RM2
 Harga Baharu : RM55
 Kenaikan: 2,650 peratus

3 c) Tampalan

- Harga Lama : RM2
 Harga Baharu : RM25
 Kenaikan: 1,150 peratus

4 Klinik swasta A

- a) Cabutan Gigi - RM100 hingga RM150
 b) Cuci Gigi - RM100 hingga RM150
 c) Tampalan - RM100 hingga RM150

5 Klinik swasta B

- a) Cabutan Gigi - minimum RM90 tidak termasuk caj perundingan RM30
 b) Cuci Gigi - RM200
 c) Tampalan - minimum RM90 tidak termasuk caj perundingan RM30

6 Klinik swasta C

- a) Cabutan Gigi - minimum RM60 termasuk caj perundingan
 b) Cuci Gigi - minimum RM120 termasuk caj perundingan
 c) Tampalan - minimum RM60 termasuk caj perundingan

Caj rawatan gigi klinik kerajaan meningkat

→ Kadar baharu berkuat kuasa mulai 1 Mac

**Oleh Nazura Ngah
dan Siti Sofia Md Nasir**
bhnews@bh.com.my

■ **Kuala Lumpur**

Berkuat kuasa 1 Mac depan, klinik kerajaan menaikkan caj rawatan, tampalan dan cuci gigi RM14 sehingga RM53.

Kadar baharu itu terkandung dalam surat pemberitahuan dikeluarkan Bahagian Kewangan Kementerian Kesihatan (KKM) bertarikh 26 Januari 2017 rujukan (24)KKM.400-9/1/3 Jld.2 berkaitan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (KSU) Bil 4/2017.

Bagi perkhidmatan cabutan gigi, caj RM1 dinaikkan kepada RM15 manakala cuci gigi meningkat daripada RM2 kepada RM55 dan tampalan pula meningkat daripada RM2 kepada RM25.

Berdasarkan surat ditandatangani Timbalan Setiausaha Ba-

hagian Kewangan KKM, Murni Rahayu Ahmad Anuar, pekeliling itu turut menyatakan kadar baharu bagi caj perubatan warga negara berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017, berkuat kuasa mulai semalam.

“Walau bagaimanapun, caj membabitkan pergigian ditangguhkan pelaksanaannya sehingga 1 Mac 2017. Surat pekeliling Ketua Setiausaha mengenai pelaksanaan caj pergigian akan dikemukakan kelak,” menurut surat yang diedarkan di peringkat dalam.

Bincang lebih teliti

Difahamkan, Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min akan mengadakan mesyuarat dengan Bahagian Kewangan kementerian itu, hari ini bagi membincangkan perkara itu dengan lebih teliti sebelum kenyataan rasmi dikeluarkan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya mengesahkan caj rawatan gigi di klinik kerajaan dinaikkan.

Pelaksanaan ditangguh

Beliau berkata, kadar baharu itu yang sepatutnya berkuat kuasa semalam, bagaimanapun ditangguhkan pelaksanaannya sehingga 1 Mac depan.

“Harga lama bagi cabutan gigi adalah RM1 dan harga baharu adalah RM15. Bagi tampalan pula RM25 berbanding harga lama RM2, manakala bagi rawatan cuci gigi adalah RM55 berbanding harga lama RM2.

“Untuk rekod, kerajaan tidak pernah menaikkan caj rawatan gigi sejak perkhidmatan itu mula diperkenalkan dan kadar itu disifatkan masih rendah berbanding di klinik pergigian swasta,” katanya kepada BH.